

10 MAY 2001

Parlimen-Tanggung

DEWAN RAKYAT DITANGGUHKAN KE SATU TARIKH YANG AKAN DITETAPKAN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Kesepuluh Dewan Rakyat yang bersidang sejak 19 Mac lepas hari ini ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan itu, yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, berlangsung selama 28 hari dan membahaskan dua usul dokumen penting yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi rancangan jangka panjang pembangunan negara.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Dasar Wawasan Negara yang dibentangkan pada 3 April lepas mengandungi dasar serta program yang menggariskan hala tuju pembangunan Malaysia bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Pada 23 April, tema Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) untuk mencapai pertumbuhan mapan yang berdaya tahan menggariskan tiga teras utama strategi pertumbuhan daripada berasaskan input kepada strategi yang didorong oleh pengetahuan.

Strategi itu bertujuan meningkatkan potensi pertumbuhan keluaran, mempercepatkan perubahan struktur sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan serta memperkukuhkan kestabilan ekonomi menerusi pengagihan pendapatan dan kekayaan negara secara saksama.

Sebanyak 16 rang undang-undang diluluskan pada persidangan kali ini.

Rang undang-undang yang diluluskan ialah:

- + Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000;
- + Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2000;
- + Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000;
- + Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001;
- + Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2001;
- + Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000;
- + Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2000;
- + Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2001;
- + Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2001;
- + Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2001;
- + Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2001;
- + Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2001;
- + Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001;
- + Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001;
- + Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000; dan
- + Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2000.

Turut diluluskan ialah usul Kementerian Kewangan berhubung Perintah-perintah di bawah Akta Kastam 1967; Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) Pindaan 2000; Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2000; pindaan ke atas Jadual Kedua Akta Prosedur Kewangan 1957 dan penetapan duti hiburan mulai 1 Okt 2001 pada kadar 25 peratus ke atas setiap bayaran masuk ke mana-mana hiburan di bawah Akta Duti Hiburan 1953.

Persidangan Dewan Rakyat yang dijadualkan Khamis lepas terpaksa dilanjutkan tiga hari bagi membolehkan ia membahaskan dan meluluskan sebanyak 21 rang undang-undang.

Bagaimanapun, kerana kesuntukan masa Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail menunda sembilan rang undang-undang ke persidangan sesi Julai.

Menurut aturan mesyuarat dan usul, rang undang-undang yang ditunda ialah Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000, Rang

Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2001, Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2001, Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2000, Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001, Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 2001 dan Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan) 2001.

Seperti juga persidangan Dewan Rakyat pada sesi-sesi lepas, persidangan kali ini juga melihat perdebatan para anggota Parlimen mengenai isu-isu semasa negara sehingga kadang kala mengakibatkan pertikaman lidah antara penyokong kerajaan dan pembangkang.

Pada sesi ini, isu pembelian saham Penerbangan Malaysia oleh kerajaan yang kerap ditimbulkan bukan sahaja dalam soalan jawab lisan tetapi juga semasa perbincangan menyebabkan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin memberikan penjelasan terperinci dan alasan kerajaan berhubung pembelian berkenaan.

Isu kesihatan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjalani pemeriksaan dan rawatan lebih lima bulan di Hospital Kuala Lumpur kerana sakit tulang belakang serta alasan kerajaan tidak mengizinkan beliau menjalani pembedahan di luar negara juga dibangkitkan berulang kali khususnya oleh pembangkang.

Berikutan itu, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng juga terpaksa menjelaskan secara terperinci berhubung perkara itu.

Isu pengisian 7,168 kuota Bumiputera di institusi pengajian tinggi awam yang menjadi kontroversi baru-baru ini juga menyebabkan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad semalam memberikan penjelasan di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1) yang membenarkan pihak kerajaan membuat penjelasan di Parlimen mengenai sesuatu isu berbangkit.

Persidangan kali ini juga melihat satu-satunya usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) yang dikemukakan oleh Fong Kui Lum (DAP-Bukit Bintang) berhubung masalah banjir yang melanda Kuala Lumpur pada 26 April lepas, diterima dan mesyuarat ditangguhkan sejam bagi membincangkan usul itu.

Mohamed Zahir dalam persidangan ini turut menggunakan kuasanya apabila beliau menggantung khidmat Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) selama tiga hari kerana mengingkari arahannya.

-- BERNAMA

HS HS AKD